

HAK ASASI BUKAN MUSLIM DI MALAYSIA: ANALISIS ISU TERPILIH

Khairul Azhar Meerangani*, **Syamsul Azizul Marinsah****
Muhamad Asyraf Ahmad Termimi**, **Muhammad Ikhlas Rosele***
Rahimin Affandi Abdul Rahim***

*Pelajar pascasiswazah (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**Pelajar pascasiswazah (MA), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

***Prof. Madya (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Abstrak: *Persoalan hak asasi sering menjadi pertikaian dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila menyentuh isu-isu sensitif berkaitan agama. Pelbagai persepsi dan pandangan yang ditonjolkan bagi menyampaikan konsep sebenar hak asasi berdasarkan kaca mata mereka sendiri. Di Malaysia, antara perkara hangat yang menjadi pertikaian antara masyarakat Muslim dan Bukan Muslim adalah sejauh mana kedudukan Islam sebagai agama dan pegangan rasmi mampu memenuhi keperluan hak asasi semua pihak. Maka, kajian ini akan menyoroti beberapa perbincangan prinsip Islam dalam menangani persoalan hak asasi manusia. Kajian ini juga akan menganalisis isu terpilih berhubung persoalan hak asasi semasa yang dibawa oleh COMANGO ke persidangan PBB menurut perspektif Islam. Hal ini bagi mengenal pasti sama ada isu hak asasi yang ditimbulkan oleh gabungan NGO ini bertepatan dengan peruntukan hak asasi yang ditawarkan oleh Islam atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati persoalan yang ditimbulkan sesetengah pihak berhubung hak asasi dilihat lebih bersandarkan teori Barat tanpa mengambil kira asas yang telah ditetapkan oleh Islam.*

Kata kunci: Hak asasi, bukan muslim, COMANGO, masyarakat.

Pengenalan

Persoalan hak asasi manusia merupakan antara elemen penting yang sering dibahaskan dalam rangka mencari penyelesaian terbaik bagi memenuhi keperluan manusia. Pelbagai teori dikemukakan bagi memastikan tuntutan tersebut mampu dipenuhi. Barat dilihat sering menjadi juara dalam memperjuangkan isu ini di mana mereka dilihat sangat gah dalam mengemukakan pelbagai teori-teori menarik dalam memperjuangkan hak asasi manusia. Namun, jika diperhalusi dengan lebih teliti, maka kita akan dapat melihat beberapa kepincangan dalam aspek praktikalnya di mana mereka sendiri banyak melakukan pencabulan terhadap hak asasi manusia terutamanya melibatkan negara-negara Islam. Teori

hak asasi yang dikemukakan mereka juga dilihat hanya mementingkan keperluan luaran semata-mata tanpa menitikberatkan penglibatan agama sebagai panduan dalam merangka sesuatu ketetapan. Hal ini berbeza dengan prinsip hak asasi yang ditawarkan Islam di mana panduan utama dalam perangkaan teori tersebut bersumberkan al-Quran dan al-Sunah sebagai rujukan. Maka, prinsip yang ditawarkan oleh Islam ini dilihat lebih menyeluruh kerana ia mampu mengimbangi di antara keperluan fizikal dan spiritual manusia. Jika kita menelusuri sejarah, kita dapat menyaksikan sejarah awal kehidupan manusia yang mana hak asasi manusia itu diselewengkan. Jaminan hak asasi pada ketika itu lebih menjurus kepada hak yang di bawah keterikatan slogan “*might is right*”¹ yang mana ia merujuk kepada kekuasaan yang menentukan segala-galanya.

Hari ini, kita sering mendengar beberapa isu yang hangat sering diperdebatkan di pentas perdebatan iaitu mengenai hak asasi manusia. Hak asasi manusia sebenarnya adalah aspirasi setiap individu dan masyarakat yang ingin mengecapi kebahagiaan di dalam hidupnya.² Menurut Syed Muzaffar Ud-Din Nadiri, hak asasi manusia adalah “*those rights which are served as a basic a foundation of human interest and which cannot curtailed*”.³ Dalam erti kata lain, hak asasi manusia boleh difahami sebagai kehendak manusia kepada kelangsungan hidup yang lebih baik dan keselamatan serta perlindungan kehidupan yang lebih terjamin.⁴ Di Malaysia, perbincangan mengenai hak asasi menjadi sedikit rumit kerana pelbagai isu yang kurang berkaitan turut diadun sekali bagi menambahkan lagi kekusutan yang ada. Contohnya, apabila menyentuh mengenai hak asasi bukan Muslim, maka isu perkauman akan turut dipalitkan sekali sehingga membawa percambahan masalah yang sedia ada. Maka, kertas kerja ini akan menilai sama ada persoalan hak asasi yang ditimbulkan sememangnya berasas atau sekadar penambah rencah bagi menghangatkan isu yang sedia ada.

Hak Asasi Manusia (HAM) Menurut Konsep Barat

Pemahaman HAM yang berkembang di Barat telah menempatkan manusia dalam aturan yang terpisah dengan Tuhan (*devided God*). Hak asasi manusia merupakan hak yang secara alamiah akan diperoleh seseorang sejak lahir. Perbezaan persepsi tentang manusia, hak-

¹ Mohd Azizuddin Mohd Sani (2002), *Hak Asasi Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd, hh. 1-2.

² *Ibid.*

³ Syed Muzaffar Ud-Din Nadri (1976), *Human Rights And Obligated*, Dacca: S.M. Zahirullah, h. 14.

⁴ Lihat Adam Kuper & Jessica Kuper (2000), *Ensiklopedia Ilmu-Ilmu Sosial* Jakarta: Rajawali Pers, h. 464, sila lihat juga Harun Nasution & Bathiar Effendi, ed. (1987), *Hak Asasi Manusia Dalam Islam*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 14.

haknya, hingga nasibnya merupakan salah satu sebab yang memicu konflik antara dunia Barat dengan Timur.⁵ Menurut Barat, hak asasi manusia dilatari dengan unsur sekularisme⁶ (memisahkan urusan dunia dan agama) yang mana HAM ini sepenuhnya berdasarkan pola fikiran manusia.⁷ Dalam erti kata lain, HAM menurut Barat berdasarkan konsep ‘*anthropocentric*’⁸ iaitu manusia menjadi penentu nilai kerana akal dan nafsu menjadi pertimbangan utama. Malah, ada yang berpandangan bahawa tiada tuntutan hak asasi secara menyeluruh dalam sesuatu agama walaupun mereka tetap mengakui peranan agama dalam memperkukuhkan konsep hak asasi manusia.⁹ Secara teorinya, konsep HAM menurut Barat antaranya ingin menuntut hak semula jadi manusia (hak individualisme),¹⁰ hak kebebasan politik,¹¹ hak jaminan undang-undang yang merangkumi bidang ekonomi dan sosial,¹² hak persamaan dan partisipasi,¹³ dan hak positif serta hak negatif.¹⁴

Kesimpulannya, konsep HAM menurut perspektif Barat ini boleh dirumuskan berdasarkan ucapan Presiden Amerika, Franklin D. Roosevelt pada tahun 1941 yang menggariskan 4 jenis kebebasan yang berhak dimiliki oleh semua manusia iaitu kebebasan beragama (*freedom of religion*), kebebasan untuk berbicara (*freedom of speech*), kebebasan dari rasa takut (*freedom from fear*) serta kebebasan dari kemelaratan (*freedom from want*).¹⁵

⁵ Sudjana, Eggi (2002), *Hak dalam Perspektif Islam, Mencari Universalitas HAM bagi Tatanan Modernitas yang Hakiki*, Jakarta: Nuansa Madani, hh. 9-10.

⁶ Muhammad Alim (2001), *Demokrasi dan HAM Dalam Konstitusi Madinah dan UUD 1945*, Yogyakarta: UII Press, h. 5.

⁷ Hamlan AB. Andi Malla (2005), “Islam dan Hak-Hak Asasi Manusia”, *Jurnal HUNafa*, 2(3), hh. 251-264.

⁸ Mahamad Naser Disa (2012), “Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara’ Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan”, kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatisme anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam, pada 28 Jun 2012, h. 13.

⁹ Donnelly, J. (2001), *What are Human Rights ? Introduction to Human Rights*, Washington: International Information Programs, US Department of State, h. 7

¹⁰ Dalam hal ini, menurut Barat, sifat individualisme harus diraikan dalam HAM dan tidak boleh dipisahkan. Kerajaan juga seharusnya menghormati hak-hak tersebut seperti hak berkahwin dengan kaum sejenis, dan sebagainya. Asas kepada tuntutan hak ini dipelopori oleh Locke ketika abad ke 17. Idea beliau diterima dan termaktub di dalam English Bill of Rights, 1688-1689; American Declarations of Independence, 1776. Sila lihat Cook, J. (1978), *Cultural Relativism as an Ethnocentric Notion, The Philosophy of Society* London: Methuen, h. 175.

¹¹ Dalam hal ini, kebebasan politik yang dimaksudkan adalah mengenai had atau batas peraturan kerajaan. Hak-hak politik ini terbahagi kepada dua iaitu hak semula jadi dan hak sivil. Maklumat lanjut berhubung hak dan kewajiban politik, sila lihat Scruton, R. (1982), *A Dictionary of Political Thought*, London: The Macmillan Press, hh.359-360.

¹² Jaminan hak yang dimaksudkan adalah jaminan tentang hak-hak kemerdekaan sivil di samping menerima perbezaan umum-peribadi dalam hubungan politik-ekonomi.

¹³ Hak persamaan yang dimaksudkan adalah hak-hak sivil dan politik serta keabsahan berupaya memperbaiki tingkat-tingkat ketidaksamaan sosial melalui kemasukan kelompok baru dalam kelompok elit.

¹⁴ Hak-hak positif ialah hak-hak yang merangkumi hak-hak kebajikan seperti pendidikan, ekonomi, pekerjaan dan keselamatan sosial. Hak-hak ini memerlukan campur tangan kuasa pemerintah. Manakala hak-hak negatif ialah seperti kebebasan menyuarakan pendapat, berharta, hidup dan agama. Kebebasan ini merupakan hak mutlak setiap individu yang mana pemerintah tidak boleh campur tangan ke atasnya. Sila lihat Renteln, A.D (2009), *Relativism and the Search for Human Rights, American Anthropologist*, Vol. 90, p. 45.

¹⁵ Mohd Aizuddin Mohd Sani, *op.cit*, h.19

Pengisytiharan mengenai 4 kebebasan ini dilihat sebagai usaha pihak Amerika untuk memperjuangkan hak asasi manusia secara universal tanpa mengambil kira penglibatan agama sebagai salah satu unsur utama dalam penetapan teori HAM. Konsep HAM di Barat juga sebenarnya mempunyai perdebatan yang luas kerana terdapat dua kelompok yang masing-masing memperjuangkan hak asasi manusia berdasarkan pendekatan universalisme¹⁶ dan pendekatan relativisme.¹⁷

Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam

Konsep hak asasi manusia di dalam Islam sebenarnya merujuk kepada hak-hak yang telah dikurniakan oleh Allah SWT sebagai pencipta kepada manusia sebagai ciptaan-Nya. Ia bukan hasil ciptaan atau buah fikiran manusia tetapi ia dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Quran dan melalui utusannya Rasulullah SAW.¹⁸ Istilah hak dalam Islam merujuk kepada dua hak yang utama iaitu hak manusia dan hak Allah. Setiap hak saling melandasi antara satu sama lain. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, hak manusia ialah himpunan beberapa hak semula jadi yang dimiliki oleh seseorang yang sangat berkait rapat dengan kewujudan tabiinya, yang diperakukan secara alami walaupun belum diiktiraf atau yang dicerobohi oleh mana-mana kuasa.¹⁹ Prinsip utama dalam pelaksanaan hak asasi ini adalah bersandarkan prinsip *al-karamah al-insaniyyah* iaitu penghormatan dan kemuliaan terhadap martabat manusia sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Surah al-Israa :70.²⁰ Hak manusia di dalam Islam lebih sinonim dengan penetapan tiga bentuk hak iaitu hak *al-daruriyat* (keperluan manusia), hak *al-hajiyat* (kepentingan manusia), serta hak *tahsiniyyah* (keselesaan manusia).²¹ Dalam merealisasikan tuntutan hak *al-daruriyyat* ini, terdapat lima bentuk pemeliharaan yang telah digariskan oleh Islam. Di antaranya pemeliharaan tersebut ialah dipelihara agamanya (*hifz al-din*)²² jiwanya (*hifz al-nafs*)²³ akalanya (*hifz al-aql*)²⁴ hartanya (*hifz al-mal*)²⁵ dan

¹⁶ Pendekatan universalisme ini mendukung kepada wujudnya satu aturan umum bercorak sejagat ke atas ke atas hak asasi manusia dan mengamalkannya dalam lingkungan hak yang sama.

¹⁷ Pendekatan relativisme adalah pendekatan yang merujuk kepada kebudayaan dan tidak melihat kepada wujudnya sebuah rangka hak asasi yang sejagat kerana setiap manusia itu dibezakan oleh pelbagai budaya, agama, nilai, fahaman dan kepercayaan.

¹⁸ Mahamad Naser Disa (2012), *op. cit.*, h. 7.

¹⁹ Wahbah al-Zuhayli (2005), *Haq al-Hurriyyah fi al-'Alam*, Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 35

²⁰ Bermaksud : “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”

²¹ Abdillah, Masykuri (1999), *Demokrasi di Persimpangan Jalan, Respon Intelektual Muslim Indonesia Terhadap Konsep Demokrasi (1966-1993)*, Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya, h. 97.

²² *Hifz al-din* iaitu memberi jaminan hak ke atas umat Islam untuk memelihara agama dan keyakinannya. Allah tidak memaksa hambanya untuk menganut agama Islam. Ini kerana tidak ada paksaan dalam menganut agama. Ini dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya ‘Tiada paksaan dalam agama (Islam)’ (Al-Baqarah:256).

keturunannya (*hifz al-nasl*).²⁶ Dalam erti kata lain, hak-hak ini termaktub dalam *Maqasid Syariah*.

Dari sudut yang lain pula, Islam menjaga hak asasi manusia kepada dua kategori iaitu hak *alamiah*²⁷ dan hak kehidupan. Antara hak *alamiah* ialah hak hidup,²⁸ hak kebebasan beragama dan kebebasan peribadi,²⁹ serta hak bekerja.³⁰ Di antara hak-hak kehidupan pula ialah pemilikan,³¹ hak berkeluarga,³² hak keamanan,³³ hak pendidikan,³⁴ hak keadilan dan kesamarataan.³⁵

²³ *Hifz al-nafs* iaitu memberi jaminan hak ke atas umat Islam untuk menjaga nyawa. Kenyataan ini Allah SWT menegaskan dalam surat Al Isra ayat 70: “Dan sungguh Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia)”. (Al Isra’:70) Allah SWT mengharamkan segala bentuk perkara yang mengakibatkan binasanya nyawa manusia. Firman Allah SWT “Dan janganlah kamu membunuh diri seorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar” (Al-An’am: 161). Mak untuk itu, ada hukum qisas bagi pembunuh. Firman Allah SWT: “Dan bagi kalian di dalam hukum qisas itu terdapat kehidupan, wahai ulul albab” (Al Baqarah :179). Jelaslah setiap orang Muslim mahu pun kafir zimmi berhak dilindungi nyawanya dari pembunuhan ataupun sebarang kecederaan.

²⁴ *Hifz al-aql* iaitu jaminan atas kebebasan bersuara, mengeluarkan pendapat dan yang lebih utama berhak dipelihara akal. Islam sangat meninggikan darjat akal. Hatta akal merupakan alat ukur seseorang memikul beban (taklif) hukum.

²⁵ *Hifz al-mal* iaitu jaminan dipelihara hartanya. Islam membolehkan manusia memiliki apa pun asalkan dengan cara yang dibolehkan dan barang-barangnya diharamkan. Di sudut lain Islam melarang sesiapa pun mengambil barang milik orang lain dan memberikan hukuman pada pelakunya. Ajaran Islam pun membezakan jenis pemilikan individu, pemilikan umum, dan pemilikan negara. Semua ini adalah dalam rangka menjaga harta setiap orang.

²⁶ *Hifz al-Nasl* iaitu jaminan yang berhak dipelihara nasab keturunannya. Setiap orang berhak mengetahui ayah, ibu, dan saudara-saudaranya. Islam melarang mendekati zina dan memberikan hukuman berat bagi pelakunya. Untuk pelaku yang belum berkahwin, disebat 100 kali, dan jika sudah pernah berkahwin direjam sampai mati.: “Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera” (QS. An Nur : 2). Hal ini jelas berbeza dengan kebebasan peribadi dalam hak asasi manusia di sisi pandangan barat yang memang serba boleh itu.

²⁷ Hak-hak alamiah manusia telah diberikan kepada seluruh umat manusia sebagai makhluk yang diciptakan dari unsur yang sama dan dari sumber yang sama pula (lihat QS. 4: 1, QS. 3: 195).

²⁸ Dalam hal ini, Allah menjamin kehidupan, di antaranya dengan melarang pembunuhan dan memberikan hukuman ke atas pembunuh (lihat al-Maidah: 32, al-Nisa: 93). Bahkan hak mayat pun dijaga oleh Allah. Misalnya hadis nabi: “Apabila seseorang mengkafani mayat saudaranya, hendaklah ia mengkafani dengan baik.” Atau “Janganlah kamu mencaci-maki orang yang sudah mati. Sebab mereka telah melewati apa yang mereka kerjakan.” (Keduanya HR. Bukhari).

²⁹ Kebebasan peribadi adalah hak paling asasi bagi manusia, dan kebebasan paling suci adalah kebebasan beragama dan menjalankan agamanya, selama tidak mengganggu hak-hak orang lain. Firman Allah: “Dan seandainya Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman orang di muka bumi seluruhnya. Apakah kamu memaksa manusia supaya mereka menjadi orang beriman semuanya?” (QS. 10: 99). Untuk menjamin kebebasan kelompok, masyarakat dan antara negara, Allah memerintahkan memerangi kelompok yang berbuat aniaya terhadap kelompok lain (QS. 49: 9).

³⁰ Islam tidak hanya menempatkan bekerja sebagai hak tetapi juga kewajiban. Bekerja merupakan kehormatan yang perlu dijamin. Nabi saw bersabda: “Tidak ada makanan yang lebih baik yang dimakan seseorang daripada makanan yang dihasilkan dari usaha tangannya sendiri.” (HR. Bukhari). Dan Islam juga menjamin hak pekerja, seperti terlihat dalam hadist: “Berilah pekerja itu upahnya sebelum kering keringatnya.” (HR. Ibnu Majah).

³¹ Islam menjamin hak pemilikan yang sah dan mengharamkan penggunaan cara apa pun untuk mendapatkan harta orang lain yang bukan haknya, sebagaimana firman Allah: “Dan janganlah sebagian kamu memakan harta sebagian yang lain diantara kamu dengan jalan bathil dan janganlah kamu bawa urusan harta itu kepada hakim agar kamu dapat memakan sebagian harta benda orang lain itu dengan jalan berbuat dosa padahal kamu mengetahuinya.” (al-Baqarah: 188).

Kesimpulannya dalam hal di atas, prinsip hak asasi manusia menurut Islam dilihat lebih menyeluruh dan tersusun kerana meraihan bukan sahaja tuntutan jasmani manusia semata-mata, bahkan turut mengambil berat keperluan rohani mereka. Secara umum, menurut Islam, manusia diberikan keutamaan sebagai sebaik-baik ciptaan dan dibekalkan dengan pelbagai kemuliaan dan hak-hak bersandarkan kepada penugasan mereka sebagai khalifah sedangkan tugas sebagai khalifah ini pula sangat berkait-rapat dengan ketaatan kepada Allah. Maka, kemuliaan ini boleh terjejas bergantung pada tahap ketaatan mereka kepada Allah. Hal ini berbeza dengan Barat yang beranggapan bahawa hak tersebut diperoleh secara tabi'i dan bersifat mutlak di mana tiada faktor superior lain yang boleh mengatasinya. Ini bermakna hak tersebut tidak terjejas walaupun manusia tersebut melakukan pelbagai penyelewengan dan kejahatan. Hak asasi dalam Islam juga dikira sebagai satu akad atau perjanjian yang mengikat. Maka, sebarang pencabulan terhadap perjanjian yang ditetapkan ini membawa kepada implikasi yang berat sama ada di dunia mahupun akhirat.³⁶ Hal ini berbeza dengan deklarasi yang ditawarkan Barat yang jika diteliti terdapat kepincangan dari sudut spiritual di mana mereka tidak menekankan aspek dosa dan pahala dalam menetapkan sesuatu dasar dan prinsip hak asasi. Maka, mereka bebas mencabul dan meminda mana-mana prinsip walaupun dilihat menindas sebahagian pihak asalkan memberi manfaat kepada mereka.

Hak Asasi Bukan Muslim di Malaysia

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, hampir 39.7% daripada penduduk Malaysia merupakan mereka yang bukan beragama Islam dengan penganut Buddha merupakan bilangan teramai yang menyumbang kepada angka tersebut iaitu kira-kira 19.8% diikuti oleh Kristian sebanyak 9.2%, Hindu 6.3% dan bakinya lain-lain agama.³⁷ Berdasarkan angka tersebut, nyatalah bahawa keberadaan mereka dalam

³² Allah menjadikan perkahwinan sebagai sarana mendapatkan ketenteraman. Bahkan Allah memerintahkan para wali mengahwinkan orang-orang yang bujang di bawah perwaliannya (QS. 24: 32). Allah menentukan hak dan kewajiban sesuai dengan fitrah yang telah diberikan pada diri manusia dan sesuai dengan beban yang dipikul individu.

³³ Dalam Islam, keamanan tercermin dalam jaminan keamanan harta sepencarian dan jaminan keamanan jiwa serta harta benda. Firman Allah: "*Allah yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan.*" (Quraisy: 3-4).

³⁴ Di dalam Islam, pendidikan bukan hanya menjadi salah satu hak sahaja, tetapi ia merupakan satu kewajiban. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Menuntut ilmu merupakan satu kewajiban ke atas setiap Muslim*" (HR Bukhari). Di samping itu, Allah turut memberi penghargaan kepada orang berilmu serta meningkatkan martabat mereka seperti di dalam surah al-Mujadilah: 11.

³⁵ Antara ayat yang menyebut tentang keadilan ialah (al-Hujurat: 13; al-Nahl: 90).

³⁶ Saari Sungib (2011), *Islam Demokrasi dan Hak Asasi Manusia*, Selangor: Kemilau Publika Sdn Bhd, h.20

³⁷ Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), "Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi", diakses pada 11 November 2013 daripada, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm

negara ini bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan di mana pendekatan yang berbeza perlu diambil bagi melestarikan keperluan hak tersebut. Walaupun secara umumnya, hak asasi dirujuk sebagai perkara asas dan penting dalam memenuhi keperluan jasmani dan rohani manusia, namun disebabkan setiap manusia itu hidup dalam tradisi dan persekitaran yang berbeza maka ia akan membawa kepada jenis dan tahap keperluan yang berbeza.³⁸ Isu yang paling perlu diberi perhatian adalah berkaitan dengan hak asasi mereka. Hal ini kerana timbul dakwaan yang mengatakan bahawa kedudukan Islam sebagai agama rasmi persekutuan dilihat seakan-akan mengesahkan beberapa hak mereka sebagai warganegara Malaysia. Justeru, penelitian terhadap Perlembagaan Persekutuan perlu dilakukan bagi memastikan sama ada dakwaan mereka benar-benar berasas atau hanya dibina berdasarkan sangkaan dan kebimbangan mereka sahaja.

Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hak asasi rakyat Malaysia adalah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Berdasarkan Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, hak asasi dirujuk sebagai kebebasan asas sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Seksyen 4(4) akta berkenaan juga menegaskan bahawa perhatian berat perlu diberi terhadap UDHR 1948 selagi deklarasi itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini bermakna apa jua hak dan kebebasan yang tidak dinyatakan dalam Bahagian II tetapi dibincangkan dalam UDHR perlu dipertimbangkan selagi tiada percanggahan antara kedua-duanya. Berdasarkan akta tersebut, ternyata SUHAKAM sebenarnya mempunyai bidang kuasa yang penting dalam menguruskan persoalan hak asasi di Malaysia.³⁹

Jika kita memperhalus kandungan Perlembagaan Persekutuan pula, maka dapat diperhatikan secara jelas peruntukan mengenai kebebasan dan hak asasi warganegara pada Bahagian II perlembagaan tersebut. Bahagian tersebut mengandungi 8 perkara yang membahaskan mengenai kebebasan dan hak-hak sebagai warganegara. Setiap perkara tersebut menyentuh kedudukan seseorang warganegara secara menyeluruh tanpa memperincikan mengenai ras, agama mahupun jantina mereka melainkan perkara 11 dan 12 yang menerangkan mengenai kebebasan beragama. Maka, peruntukan ini sudah cukup untuk menafikan hujah mereka dari sudut teorinya namun tidak dari sudut praktikalnya kerana penelitian terhadap aspek ini pula mungkin membawa kepada hasil yang sedikit bertentangan dengan peruntukan tersebut. Secara umumnya, peruntukkan mengenai hak asasi ini boleh

³⁸ Abd Aziz Bari, (2002) Hak asasi dalam perlembagaan Malaysia ruang lingkup dan masalahnya., *Jurnal syariah*, jilid 10 (1), h.54

³⁹ SUHAKAM, <http://www.suhakam.org.my/akta-597>

dirangkumkan kepada dua komponen utama iaitu kebebasan dan kesamarataan. Namun, kita akan mendapati bahawa semua hak yang diperuntukkan dalam perlembagaan ini tidak bersifat mutlak di mana semua peruntukkan tersebut sebenarnya masih terikat dengan sebarang sekatan undang-undang yang boleh diluluskan oleh parlimen. Walaupun perlembagaan merupakan dokumen tertinggi di Malaysia, namun dapat ditafsirkan bahawa perbahasan mengenai hak asasi tersebut perlu ditafsirkan selaras dengan kehendak parlimen dan mahkamah.⁴⁰

Walaupun begitu, tumpuan utama perbahasan adalah berkaitan kebebasan agama kerana ia mewujudkan pertikaian utama dalam kalangan penganut Muslim dan bukan Muslim di Malaysia. Menurut peruntukkan perlembagaan, setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya serta mengembangkannya namun undang-undang negeri dan Wilayah Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang Islam. Hal ini yang banyak menjadi pertikaian beberapa pihak kerana mereka mendakwa bahawa peruntukan ini seolah-olah menyekat dan menghalang usaha mereka untuk menyebarkan agama mereka. Namun, dari sisi lain dapat difahami objektif daripada larangan tersebut bagi mengelakkan terhakisnya identiti masyarakat Melayu sebagaimana yang telah ditafsirkan menerusi perlembagaan walaupun ada sebahagian pihak yang melihat kewujudan peruntukkan ini lebih kepada menjaga ketenteraman awam daripada memartabatkan kedudukan Islam itu sendiri.. Terdapat salah faham yang timbul berkenaan perkara ini. Larangan ini hanya tertumpu dalam aspek penyebaran namun Malaysia tetap memberi ruang kepada pihak-pihak terlibat menganjurkan dialog dalam usaha berbincang bagi merungkaikan kekeliruan yang timbul berkaitan pegangan agama masing-masing.

Analisis Isu Hak Asasi Bukan Muslim di Malaysia

Pertembungan di antara doktrin individualisme (liberal) dan kolektivisme (sosialis)⁴¹ berlaku di Eropah selepas perang dingin. Perbezaan pendekatan yang dibawa oleh kedua-dua aliran ini dalam memartabatkan hak asasi manusia membawa kepada penubuhan Deklarasi Hak Asasi Sejagat pada tahun 1948.⁴² Namun, suatu perkara yang perlu difahami adalah deklarasi ini bukanlah suatu perjanjian yang mengikat namun lebih kepada suatu komitmen yang perlu

⁴⁰ Abd. Aziz Bari, *Op.Cit.* h.57

⁴¹ Kritikan golongan liberal adalah secara terus kepada perubahan sosial dalam ruang lingkup kapitalis manakala golongan sosialis pula kritikal terhadap pemansuhan kapitalisme bagi memberi peluang kepada kolektivisme ekonomi. Maklumat lanjut sila rujuk Rosenbaum (1980)

⁴² *Op.Cit.*

dipatuhi oleh negara-negara anggota PBB. Deklarasi ini mengandungi 30 fasal yang membahaskan mengenai hak-hak yang wajar dinikmati oleh penduduk sesebuah negara yang berdaftar dengan PBB. Setiap 4 tahun, sesi Semakan Berkala Sejagat (UPR) di bawah seliaan Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) yang bernaung di bawah PBB akan diadakan bagi menilai komitmen kesemua 192 negara anggota PBB berhubung rekod pelaksanaan dan pengamalan hak asasi. Penglibatan Malaysia dalam sesi semakan ini bermula buat pertama kalinya pada tahun 2009 di mana ketika itu sebanyak 62 syor yang telah dikemukakan bagi menambah baik pencapaian Malaysia dalam hak asasi manusia.

Dalam sesi semakan kali ini, pihak The Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO) yang terdiri daripada gabungan 54 organisasi telah menghantar laporan mengenai hak asasi di Malaysia ke PBB. Terdapat 17 isu yang dibangkitkan berkenaan pengamalan hak asasi manusia di Malaysia. Namun, timbul pula dakwaan yang mengaitkan mereka dengan cubaan untuk mengancam kedudukan agama Islam di Malaysia. Setelah diteliti laporan tersebut, didapati isu yang menjadi pertikaian utama antara mereka adalah berkaitan kebebasan beragama, pengiktirafan terhadap LGBT, isu perkauman serta cubaan campur tangan dalam urusan mahkamah syariah. Bagi memberi respon terhadap tuntutan mereka ini, satu inisiatif telah diambil oleh gabungan beberapa NGO Muslim yang menggelarkan gabungan mereka sebagai MUSLIMUPRO dengan menghantar delegasi mereka dalam usaha untuk melobi bagi membantah laporan yang dikemukakan oleh pihak COMANGO walaupun pihak kerajaan Malaysia telah pun mempunyai wakil rasmi mereka sendiri. Walaupun banyak isu yang ditimbulkan dalam sesi semakan ini, namun isu yang bakal dibahaskan dalam kertas kerja ini adalah berkaitan kebebasan beragama, LGBT serta isu perkauman.

1- Isu Kebebasan Beragama

Isu utama berhubung laporan tersebut adalah berkaitan tuntutan mereka supaya Malaysia didesak menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights.⁴³ Perjanjian ini memperuntukkan 53 artikel berkaitan kebebasan dan hak asasi dalam bidang sivil dan politik namun isu yang menjadi pertikaian adalah peruntukkan yang terkandung dalam artikel 18 yang menyatakan bahawa :

Everyone shall have the right to freedom of thought, conscience and religion. This right shall include freedom to have or to adopt a religion or belief of his choice, and freedom, either

⁴³ Laporan COMANGO.

*individually or in community with others and in public or private, to manifest his religion or belief in worship, observance, practice and teaching.*⁴⁴

Artikel ini pada dasarnya mungkin dilihat tidak mendatangkan masalah yang besar terhadap kedudukan agama Islam di Malaysia memandangkan prinsip Islam itu sendiri yang meraikan kebebasan beragama. Namun, ia sebenarnya sedikit bercanggah dengan peruntukkan perkara 11(4) perlembagaan yang menyatakan bahawa undang-undang negeri dan Wilayah Persekutuan boleh menyekat sebarang pengembangan agama terhadap penganut Islam. Dalam laporan yang dikemukakan oleh mereka, Malaysia diminta memberi perhatian mengenai tahap kebebasan beragama di Malaysia. Mereka mendatangkan beberapa isu bagi menyokong dakwaan mereka.⁴⁵ Antaranya keputusan yang diambil oleh pihak Mahkamah menolak permohonan gereja Herald menggunakan kalimah Allah. Susulan keputusan tersebut, mereka mendakwa lebih kurang 10 buah gereja telah diserang dengan bom petrol sebagai tanda protes serta sebanyak 5100 buah Injil berbahasa Melayu telah dirampas oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Hal ini

Berdasarkan laporan tersebut, maka dapat dilihat timbul kekeliruan berhubung persoalan kebebasan beragama di Malaysia. Perkara 11 memperuntukkan larangan bagi penyebaran dakyah agama lain terhadap umat Islam. Namun dalam masa yang sama, mereka tetap dibenarkan untuk mengamalkan dan mengembangkan ajaran tersebut dalam kalangan penganut mereka sendiri. Peruntukkan 11(4) ini mungkin telah difahami menerusi dua sisi. Satu sisi melihat peluang pendakwah Muslim untuk menyebarkan ajaran Islam tanpa sebarang sekatan atau batasan. Namun, dalam sisi yang lain pula, peluang mubaligh agama lain untuk menyebarkan dakyah mereka pula menjadi semakin sempit kerana pengecualian yang dikenakan terhadap orang Islam. Maka, mereka melihat wujud sedikit ketidakadilan bagi mereka kerana keterbatasan sasaran dakyah dilihat lebih berat kepada mereka.

Islam sememangnya tidak menghalang sebarang hak berkaitan kebebasan beragama. Jika kita meninjau inti pati Piagam Madinah sendiri, terdapat fasal yang memperuntukkan hak kebebasan beragama kepada golongan bukan Muslim di Madinah sebagaimana yang tercatat dalam fasal 25 dan 45 piagam tersebut. Hal ini membuktikan betapa Islam mempunyai tahap toleransi yang tinggi terhadap agama. Namun, terdapat tegahan bagi mana-mana Muslim untuk keluar daripada agama Islam. Hal ini kerana Islam sangat memandang

⁴⁴ United Nation Human Rights. "International Covenant on Civil and Political Rights" <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>

⁴⁵ Op.Cit.

berat isu akidah dalam Islam kerana ia merupakan antara perkara pokok yang menjadi tunjang utama jati diri sebagai Muslim.

2- Isu LGBT

Dalam isu ini, Malaysia didakwa enggan mengiktiraf hak Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI) sebagai hak asasi manusia.⁴⁶ Mereka yang terlibat dengan LGBTIQ⁴⁷ dikatakan telah diberikan layanan yang buruk serta dinafikan pelbagai hak sebagai manusia. Dakwaan ini secara halusny dapat difahami sebagai suatu isyarat agar golongan ini diberikan layanan yang sewajarnya serta diberi pengiktirafan sama seperti manusia yang biasa. Antara fakta yang diberikan oleh mereka adalah bagaimana sebuah pusat urut di Pulau Pinang yang telah diserbu sebanyak 4 kali antara tahun 2010 dan 2011 kerana menawarkan perkhidmatan urutan buat golongan gay di mana mereka melihat tindakan ini sebagai tidak menghormati hak dan kebebasan individu. Walaupun Islam meraikan kebebasan individu, namun terdapat batasan tertentu dalam melestarikan kebebasan tersebut. Jika diteliti dalam aspek moral, perbuatan ini sememangnya bercanggah dengan nilai-nilai murni sesebuah masyarakat kerana kehendak nafsu mereka ini akan membawa kepada kehancuran sesebuah bangsa. Fitrah semula jadi manusia juga menolak kepada perkara ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran bahawa lelaki dan wanita itu diciptakan sebagai pasangan antara satu sama lain⁴⁸. Maka, sebarang kehendak baru yang dilihat menyalahi naluri normal bagi mana-mana manusia adalah tertolak.

Larangan ini bukan hanya dinyatakan oleh agama Islam malah turut dipandang salah oleh agama lain. Bible misalnya walaupun tidak menyatakan larangan secara jelas mengenai perkara ini namun terdapat beberapa ayat yang menyatakan bahawa perbuatan ini merupakan sesuatu yang keji. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan dalam Kitab Imamat 18(22) : “Janganlah engkau tidur dengan laki-laki secara orang bersetubuh dengan perempuan, karena itu suatu kekejian”⁴⁹. Malah, agama Hindu turut melihat perbuatan ini sebagai menyalahi etika sebagai manusia. Presiden Malaysia Hindu Sangam, Datuk A.Vaithilingam sewaktu mengulas mengenai isu ini menyatakan walaupun tiada ketetapan jelas tentang perkara ini

⁴⁶ Laporan COMANGO.

⁴⁷ LGBTIQ merupakan singkatan daripada Lesbian, Gays, Transgendered, Inter-sexed and Queer persons.

⁴⁸ Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.*

⁴⁹ Terjemahan Bible Indonesia. Versi asal dalam bahasa Inggeris adalah “*You shall not lie with a male as one lies with a female; it is an abomination.*” (Leviticus 18:22)

dalam kitab-kitab Hindu, namun mereka tetap mengira tindakan ini sebagai sesuatu yang menyalahi etika asas dalam agama Hindu.⁵⁰

3- Isu Perkauman

Isu ini dikatakan telah dijadikan modal politik yang paling ampuh bagi pihak kerajaan bagi mematahkan sebarang tentangan daripada seteru politik mereka. Mereka mendakwa walaupun Perkara 8(2) menetapkan bahawa sebarang diskriminasi berkaitan jantina, agama dan kaum adalah dilarang namun terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dilihat telah membelakangkan prinsip tersebut. Antara fakta yang mencuri tumpuan mereka berhubung pelaksanaan program Biro Tatanegara yang didakwa menyimpang daripada objektif asalnya di mana program ini telah dijadikan alat oleh pihak parti pemerintah untuk menyuburkan semangat perkauman yang tebal terutamanya melibatkan kaum Melayu dan kaum Cina. Perlu difahami bahawa Islam merentasi batasan perkauman dan keturunan di mana semua manusia dinilai sama di sisi Allah.

Walaupun perkara 160 (2) mendefinisikan Melayu sebagai beragama Islam, namun adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk menyandarkan sebarang rasa tidak puas hati mereka berhubung layanan yang diterima berdasarkan bangsa kepada agama. Kaum Melayu memiliki hak istimewa mereka yang tersendiri berorientasikan kepada persetujuan bersama semua pihak. Justeru, hak istimewa yang diterima oleh mereka ini bukanlah suatu bentuk penindasan kepada golongan bukan Muslim di Malaysia. Hal ini kerana kaum lain yang beragama Islam juga turut dikecualikan beberapa hak istimewa. Namun, pihak kerajaan juga perlu meneliti beberapa dakwaan mereka yang dilihat sedikit berasas terutamanya apabila isu perkauman ini sering diputarbelitkan apabila ia melibatkan kepentingan politik sesuatu pihak.

Kesimpulan

Persoalan hak asasi sememangnya suatu yang bersifat subjektif di mana ia sememangnya tidak mampu memuaskan hati semua pihak lebih-lebih lagi sekiranya terdapat kekangan seperti perbezaan agama. Namun begitu, Islam datang dengan menawarkan prinsip yang lebih menyeluruh yang dilihat mampu memenuhi aspirasi tuntutan keperluan manusia. Maka, sebarang kekeliruan yang timbul berhubung beberapa isu sepatutnya ditangani dengan lebih

⁵⁰ MStar Online (2008), Homoseksual Bagai “Api Dalam Sekam”, diakses pada 11 November 2013, http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2008/7/8/TERKINI/Mutakhir/Homoseksual_bagai_api_dalam_sekam&sec=mstar_berita

berhemah kerana pintu rundingan sentiasa terbuka untuk mana-mana pihak menyalurkan ketidakpuasan mereka tersebut. Dalam isu laporan COMANGO ini juga, walaupun terdapat beberapa isu sensitif yang disertakan dalam laporan mereka, namun adalah tidak wajar bagi kita menyimpulkan bahawa semua laporan yang dikemukakan mereka adalah mengancam dan tidak perlu diberi perhatian. Hal ini kerana jika dianalisis keseluruhan inti pati laporan tersebut, maka terdapat juga dakwaan yang perlu diberi perhatian seperti hak asasi kaum asal, tahap kebebasan akhbar serta layanan terhadap warga OKU. Pihak yang berkaitan perlu mengadakan rundingan bagi merungkaikan segala kekusutan dan salah faham yang timbul supaya isu ini tidak terus dipermainkan serta dipergunakan oleh mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun luar negara bagi merealisasikan kepentingan peribadi mereka.

Rujukan

- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2002). *Hak Asasi Menurut Pandangan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Syed Muzaffar Ud-Din Nadri (1976). *Human Rights And Obligated*. Dacca: S.M. Zahirullah.
- Adam Kuper & Jessica Kuper (2000). *Ensiklopedia Ilmu-Ilmu Sosial*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Harun Nasution & Bathiar Effendi, ed. (1987). *Hak Asasi Manusia Dalam Islam*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Sudjana, Eggi (2002). *Hak dalam Perspektif Islam, Mencari Universalitas HAM bagi Tatanan Modernitas yang Hakiki*. Jakarta: Nuansa Madani.
- Muhammad Alim (2001). *Demokrasi dan HAM Dalam Konstitusi Madinah dan UUD 1945*. Yogyakarta: UII Press.
- Hamlan AB. Andi Malla (2005). Islam dan Hak-Hak Asasi Manusia. *Jurnal HUNAFa*, 2(3).
- Mahamad Naser Disa (2012). Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan. (kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatisme anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam, pada 28 Jun 2012)
- Donnelly, J. (2001). *What are Human Rights ? Introduction to Human Rights*. Washington: International Information Programs, US Department of State.
- Cook, J. (1978). *Cultural Relativism as an Ethnocentric Notion, The Philosophy of Society*. London: Methuen.
- Scruton, R. (1982). *A Dictionary of Political Thought*. London: The Macmillan Press.
- Renteln, A.D (2009). Relativism and the Search for Human Rights. *American Anthropologist*, Vol. 90.

- Wahbah al-Zuhayli (2005). *Haq al-Hurriyyah fi al- 'Alam*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Abdillah, Masykuri (1999). *Demokrasi di Persimpangan Jalan, Respon Intelektual Muslim Indonesia Terhadap Konsep Demokrasi (1966-1993)*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Saari Sungib (2011), *Islam Demokrasi dan Hak Asasi Manusia*, Selangor: Kemilau Publika Sdn Bhd, h.20
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). "Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi". Diakses pada 11 November 2013 daripada, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm
- Abd Aziz Bari (2002). Hak asasi dalam perlembagaan Malaysia ruang lingkup dan masalahnya. *Jurnal syariah*, 10 (1).
- SUHAKAM. Akta 597. <http://www.suhakam.org.my/akta-597>
- Laporan COMANGO
- United Nation Human Rights. "International Covenant on Civil and Political Rights". <http://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>
- MStar Online (2008), Homoseksual Bagai "Api Dalam Sekam", diakses pada 11 November 2013, http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2008/7/8/TERKINI/Mutakhir/Homoseksual_bagai_api_dalam_sekam&sec=mstar_berita